

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana dan apakah bentuk-bentuk perhubungan jenis yang dilarang sehingga boleh dikategorikan sebagai satu jenayah seks.

Kajian ini adalah berbentuk perbandingan antara undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia. Setelah dikaji di dapati memang terdapat peruntukan-peruntukan tertentu dalam Kanun jenayah di Malaysia berkenaan masalah tersebut, begitu juga dalam undang-undang jenayah Islam terdapat ramai para fuqaha^c yang mengutarakan pendapat masing-masing. Untuk membincangkan perkara ini penulis telah membahagikannya kepada tiga faisal, tidak termasuk pendahuluan dan penutup.

Pendahuluan dalam perbincangan ini penulis mulakan dengan menyentuh pengenalan yang merangkumi beberapa aspek seperti objektif dan bidang kajian serta metodologi kajian. Penulis juga menceritakan masalah-masalah yang terpaksa dihadapi sepanjang proses penyiapan kajian ini.

Fasal pertama penulis membincarakan tentang takrif serta perbezaan antara jenayah dan kesalahan, seterusnya takrif seks dan bentuk-bentuk perhubungan yang boleh dianggap sebagai jenayah seks. Setiap perbincangan adalah tertakluk kepada pendapat ulama^c atau perkamusian dan juga berdasarkan Kanun Jenayah Malaysia.

Dalam perbahasan seterusnya iaitu dalam fasal ke-2, penulis menumpukan sepenuh perhatian dalam menyenaraikan satu persatu bentuk-bentuk jenayah seks dari kaca mata undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah Malaysia. Penulis membahagikan jenis-jenis jenayah tersebut kepada tujuh bahagian iaitu zina, liwat, sahaq, istimna^c, bersehubungan dengan binatang, bersehubungan dengan mayat dan persehubungan paksa. Di samping itu juga penulis menyertakan dalil-dalil pengharaman tersebut sama ada dari al-Qurān, Hadis ataupun seksyen-seksyen yang terdapat dalam Kanun, dan diakhir setiap perbincangan penulis telah membuat perbandingan antara kedua undang-undang tersebut.

Fasal ketiga penulis beralih pula membincarakan tentang bentuk-bentuk hukuman yang dikenakan ke atas setiap jenayah seks tadi. Hukuman-hukuman tersebut adalah dirujukkan kepada undang-undang jenayah Islam dan juga Kanun.

Jenayah Malaysia. Juga penulis menyentuh sedikit sama ada hukuman-hukuman tadi ideal untuk perbuatan jenayah yang seberat itu.

Perbincangan diakhiri dengan penutup. Dalam bahagian ini penulis membuat rumusan-rumusan dalam setiap fasal diatas serta memberikan sedikit saranan atas beberapa perkara yang penulis rasakan perlu diberikan perhatian yang lebih agar keadilan benar-benar dapat ditegakkan.

Sekian terima kasih.

Latifah binti Mohamad Yusoff,

Fakulti Syariah,

Akademi Islam,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

25hb Januari, 1990 M.

28hb Jamadil Akhir, 1410 H.